

# Inisiatif USIM lahir teknokrat Islam

Oleh SITI MAIZATUL AKMAR ISMAIL

**K**ATA pepatah Melayu, "melentur buluh biar dari rebungnya". Ia mengingatkan kita betapa pentingnya untuk mendidik kanak-kanak sebagai khazanah modal insan tidak ternilai.

Sehubungan itu, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengambil inisiatif mewujudkan Pusat Permata Insan yang kini beroperasi di aras dua Bangunan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM.

Program itu bermula apabila USIM menerima tawaran kerajaan untuk melaksanakannya.

Justeru, pihak universiti memberi kepercayaan kepada pakar-pakar dalam pelbagai bidang berkaitan melibatkan kakitangan akademik, pengurusan dan profesional.

Program itu adalah kerjasama USIM dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Ia juga usaha membimbing golongan pelajar pintar menguasai ilmu agama dan keduniaan serta menghasilkan bakal ilmuwan dan pemikir Islam yang berteraskan al-Quran dan as-sunnah.

Program berkenaan melibatkan kanak-kanak yang berusia lapan hingga 18 tahun.

USIM bersama-sama Jakim dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) terlibat dalam merancang dan menggubal modul program yang menekankan pendidikan ilmu wahyu di samping membimbing pelajar pintar itu mencapai cita-cita mereka.

Kerjasama juga diadakan dengan Universiti King Abdul Aziz, Arab Saudi yang sudah mempunyai program seumpama itu dalam

memastikan ia dapat dilaksanakan dengan berkesan hingga ke peringkat antarabangsa.

Pusat Permata Insan USIM dirasmikan oleh isteri Perdana Menteri yang juga Penaung program Permata, Datin Seri Rosmah Mansor, di kampus USIM, Bandar Baru Nilai, bulan lalu.

Program Permata Insan itu akan mengambil pelajar-pelajarnya menerusi proses saringan Ujian kecerdasan - UKM I yang sedang berlangsung dari Mac hingga Mei.

Selepas melepasi tahap itu, mereka akan disaring sekali lagi melalui saringan yang akan memperlihatkan kepintaran mereka dalam bidang pengajian agama.

Ia juga melihat kepada sahsiah peribadi dan keluarga dan komunikasi para pelajar. Buat pertama kali, Permata Insan akan mengambil 50 pelajar yang pintar agama dari seluruh negara.

Pemilihan terbuka kepada seluruh pelajar-pelajar pintar di Sekolah Rendah Islam, Sekolah Agama Negeri, Sekolah Agama rakyat dan Swasta dan individu pelajar yang berminat.

Mereka akan diberi pembelajaran yang komprehensif bagi melahirkan generasi al-Quran. Tokoh-tokoh Islam yang terkemuka seperti al-Farabi, Ibn Sina, Al-Kharizmi, Ibn Khaldun dan lain-lain adalah contoh yang mendapat asas agama yang mantap terutama ilmu-ilmu yang berkaitan dengan al-Quran.

Hasil Program Permata insan diharapkan dapat melahirkan bakal pelajar yang berorientasikan Al-Quran yang mampu membangunkan tradisi keilmuan Islam yang terbilang sesuai dengan persekitaran dan teknologi terkini.

**ROSMAH MANSOR** merasmikan Pusat Permata Insan di USIM, Nilai, Negeri Sembilan baru-baru ini.



**PENASIHAT** Menteri Pengajian Tinggi Arab Saudi, Prof. Dr. Auda Al Johani turut hadir semasa perasmian Permata Insan USIM.